## Membaca

Baca dan fahami petikan cerita di bawah.

### Hari Keluarga Haji Samad

Hari yang dinanti-nantikan telah tiba. Kami sekeluarga balik ke kampung ayah saya di Kuala Lipis, Pahang. Menurut ayah saya, sekarang musim buah-buahan. Seluruh ahli keluarga kami akan berkumpul bersempena dengan Hari Keluarga Haji Samad.

Sebaik sahaja sampai, ramai ahli keluarga lain yang sudah tiba. Kami berkumpul di rumah datuk saya, Haji Samad bin Haji Salleh. Rumah kampung ini didirikan di atas tanah pusaka milik moyang saya.

Majlis malam itu dimulakan dengan solat Maghrib dan Isyak secara berjemaah. Kemudian, disusuli dengan bacaan Surah Yasin dan tahlil. Sebagai anak sulung, ayah saya memberikan penerangan tentang atur cara program pada tahun ini.

Setelah bersarapan dan senamrobik, seluruh ahli keluarga Haji Samad menunjukkan bakat masing-masing dalam acara sukaneka. Pada petangnya pula, diadakan pertandingan menarik upih. Pelbagai gelagat dan aksi lucu dapat disaksikan.

Esoknya, kami pulang ke Kuala Lumpur dengan perasaan gembira. Keluarga kami telah berjaya menjadi johan keseluruhan acara sukaneka, manakala keluarga Pak Ngah Jefri pula mengungguli acara menarik upih. Kami berasa seronok kerana dapat berkumpul dengan keluarga besar Haji Samad. Yang tua dihormati, yang muda disayangi.

ARAHAN: Jawab soalan dan isi tempat kosong berdasarkan petikan di atas.

1. Di manakah Hari Keluarga Haji Samad diadakan?

_____

_____

2. Majlis malam itu dimulakan dengan _____

dan _____.

Kemudian, disusuli dengan bacaan _____dan _____.

3. Setelah _____ dan _____, seluruh ahli

keluarga Haji Samad menunjukkan bakat masing-masing dalam

_____.

LIVEWORKSHEETS